


# Jasamu Dikenang

Penyelenggara :  
Hariza Mohd Yusof & Noor Adibah Mohamad




UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



# Jasamu Dikenang





# Jasamu Dikenang

Penyelenggara :  
Hariza Mohd Yusof  
Noor Adibah Mohamad

Penerbit  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
2011

**CETAKAN PERTAMA 2011**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:  
Penerbit USIM

**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-798 8226/8046 Faks:06-798 6083

[www.usim.edu.my](http://www.usim.edu.my)

Reka bentuk dan Cetakan oleh  
Aliff Resources

407 C, Kompleks Diamond,

Bandar Baru Bangi

Tel:03-8210 0186 / 019-371 3571

Email : [azmialiff@yahoo.com](mailto:azmialiff@yahoo.com)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Jasamu dikenang / penyelenggara : Hariza Mohd Yusuf, Noor Adibah Mohamad  
ISBN 978-967-5295-61-4

1. Academic rites and ceremonies - Negeri Sembilan. 2. Commencement ceremonies - Negeri Sembilan. 3. Universities and colleges - Negeri Sembilan  
I. Hariza Mohd. Yusof. II. Noor Adibah Mohamad. III. Universiti Sains Islam Malaysia.


371.291209595117



## *KANDUNGAN*





<i>ALUAN NAIB CANSELOR</i>	<i>2~3</i>
<i>TOKOH PENERIMA IJAZAH KEHORMAT</i>	<i>4~9</i>
<i>TOKOH PENERIMA GELARAN PROFESOR EMIRITUS</i>	<i>10~19</i>
<i>TOKOH CALON KEHORMAT KONVOKESYEN</i>	<i>20~37</i>



**ALUAN NAIB CANSELOR**





Assalamualaikumwarahmatullahiwabarakatuh  
dan  
Salam Sejahtera,

Mengungkapkan kata walau sepuitis mana pun, walau sehebat rangkaian bait-bait puisi, rakaman penghargaan ini mungkin tidak akan lengkap untuk menggambar dan mendokumentasikan keseluruhan jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh tiga orang tokoh yang dipilih oleh USIM pada tahun ini. Ketiga-tiga mereka mempunyai kaliber yang tersendiri meski berlainan bidang. Sempena Majlis Konvokesyen USIM ke-8 2010, USIM mengambil pandang dan melihat untuk menganugerahkan serta memberi penghormatan kepada tiga tokoh ini. Penganugerahan kepada penerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat; Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, penerima gelaran Profesor Emeritus; Yang Berbahagia Tan Sri Prof. Dato' Dr Abdul Shukor Hj Husin dan penerima Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Pengajian Quran dan Sunah; Profesor Dr. Zaghloul Raghieb Muhammad Al-Najjar merupakan salah satu usaha USIM untuk menghargai segala sumbangan yang telah mereka curahkan.

Sejarah berupaya memadan antara kebaikan dan keburukan. Sejarah juga telah mencipta tokoh-tokoh terbilang ini agar menjadi rujukan kemudian hari. Mereka ini telah menabur jasa dan bakti tanpa mengira sempadan politik, tanpa melihat keterbatasan negara, tetapi melangkaui kepentingan di mana sahaja ummah Islam berada. Pola untaian pendapat mereka dirasai, pemikiran mereka bukan bersifat teoretikal tetapi mempunyai orientasi kepada khalayak yang diinginkan. Obligasi yang tersandang pada bahu mereka disampaikan dengan sejujurnya mengikut kayuhan masing-masing.

Anugerah yang diberikan merupakan penghormatan yang cuba diberikan oleh pihak USIM atas jasa-jasa mereka. Mereka merupakan permata berharga bukan sahaja kepada negara tetapi ummah keseluruhannya. Profil mereka yang cemerlang dalam pelbagai bidang harus menjadi garis panduan kepada generasi hari ini untuk sekurang-kurangnya menjadikan mereka salah satu idola ummah untuk diikuti. Semoga penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh kita semua; belayar bernakhoda, berjalan dengan yang tahu, berkata dengan yang pandai.

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia





**TOKOH PENERIMA IJAZAH KEHORMAT  
DOKTOR FALSAFAH (KEHORMAT)  
EKONOMI DAN PENTADBIRAN MUAMALAT**  
*Tun Dr. Mahathir Mohamad*



**LATAR BELAKANG**

Negarawan, pemikir, tokoh agung dan wira bangsa ini telah dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Alor Setar, Kedah. Putera kepada pasangan Mohamad bin Iskandar dan Wan Tempawan binti Wan Hanafi ini merupakan anak bongsu kalangan sembilan (9) orang adik-beradik. Tun Dr. Mahathir memulakan alam persekolahan di Sekolah Melayu Seberang Perak pada tahun 1930, sebelum melanjutkan pengajian di peringkat menengah di Government English School, Alor Setar (atau kini dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid). Beliau tamat dengan keputusan Senior Cambridge yang cemerlang, dan pada tahun 1947 Tun Dr. Mahathir telah ditawarkan biasiswa Kedah untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di King Edward VII College of Medicine, dan tamat pada tahun 1953 dengan kelulusan Ijazah Doktor Perubatan (M.B.B.S) dari University of Malaya, Singapura.

Berbekalkan kelulusan tersebut, Tun Dr. Mahathir memulakan kerjaya sebagai seorang Doktor Pelatih di Hospital Besar Pulau Pinang. Pada tahun 1954, Tun Dr. Mahathir telah dilantik sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Besar Alor Setar dan seterusnya berkhidmat dengan beberapa hospital lain termasuk di Langkawi, Jitra dan Perlis.

**POLITIK MELAYU**

Pada tahun 1957, setelah tamat kontraknya dengan kerajaan, Tun Dr. Mahathir bersama Tun Dr. Siti Hasmah membuka sebuah klinik di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar. Klinik MAHA merupakan klinik Melayu pertama di Negeri Kedah. Selain daripada perkhidmatan perubatan, klinik MAHA juga telah menjadi pentas untuk beliau menjalankan aktiviti-aktiviti perkhidmatan komuniti setempat.

Sejak dari zaman muda lagi, Tun Dr. Mahathir amat prihatin terhadap masalah ekonomi dan politik Melayu. Ini telah diluahkan dalam bentuk penulisan iaitu salah satu bidang yang merupakan minat beliau hingga ke hari ini. Umpamanya, antara tahun 1946-1950, banyak rencana hasil tulisan tangan beliau telah diterbitkan dalam Sunday Times di bawah nama pena "C.H.E Det". Pada tahun 1970, Tun Dr. Mahathir telah menulis buku *The Malay Dilemma* yang mencerminkan pemikiran halus dan tajam beliau tentang permasalahan dan masa depan orang Melayu. Pandangan yang jujur dan ikhlas itu telah mendapat bermacam reaksi, puji dan kecam, daripada pelbagai pihak termasuk dalam parti UMNO dan kerajaan sendiri. Walaupun Tun Dr. Mahathir menghadapi akibat yang buruk, namun insiden itu telah menjadi manifestasi ketokohan beliau sebagai seorang pemimpin yang berprinsip, berani dan berwawasan.

Ketokohan Tun Dr. Mahathir terserlah, khususnya ketika beliau memegang tampuk kepimpinan nombor satu negara sebagai Perdana Menteri Malaysia, selama 22 tahun, bermula dari tahun 1981 hingga 2003. Kebijaksanaan Tun Dr. Mahathir mengurus dan memimpin ekonomi negara sememangnya terbukti. Beliau telah berjaya mengemudi ekonomi negara melalui tiga zaman kemelesetan yang serius iaitu pada tahun 1983-85, 1990-93 dan pada tahun 1997-99.

Detik-detik awal beliau diamanahkan menjadi Perdana Menteri Malaysia, sektor ekonomi negara pada ketika itu banyak bergantung kepada bahan komoditi utama seperti getah, kelapa sawit, timah dan industri petroleum yang masih lagi diusahakan secara kecil-kecilan. Memandangkan komoditi tidak dapat membantu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, maka pada awal tahun 1980-an Tun Dr. Mahathir telah membuat keputusan untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi negara dan sekaligus mengurangkan pergantungan terhadap bahan komoditi.

Tun Dr. Mahathir telah mengubah sektor ekonomi asas negara daripada sebuah negara yang berasaskan pertanian kepada sebuah negara berasaskan perindustrian. Keputusan yang beliau ambil adalah tepat kerana pada pertengahan tahun 1980-an, harga bahan-bahan komoditi jatuh dengan teruk.

Dalam pentadbiran, Tun Dr. Mahathir banyak memperkenalkan pelbagai dasar yang berjaya meningkatkan prestasi, daya pengeluaran serta imej negara. Antaranya ialah Dasar Pandang ke Timur, Wawasan 2020, Dasar Pensiwaan dan Malaysia Incorporated. Di samping itu juga, projek-projek mega yang diperkenalkan, secara tidak langsung telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun yang dikenali dunia.

Corak pentadbiran dan ketajaman pengamatan atau makrifah tinggi yang ditunjukkan oleh Tun Dr. Mahathir semasa menjadi Perdana Menteri, menyebabkan negara ini disegani dunia. Beliau sendiri pula amat dikagumi pemimpin lain, dihormati masyarakat antarabangsa dan disanjung sekalian rakyat.

Pada tahun 1997, majalah Asiaweek telah menamakan Tun Dr. Mahathir sebagai antara 50 individu yang paling berpengaruh di Asia, yang menduduki tempat kedua teratas dalam senarai itu. Penamaan beliau memang tepat. Bagi menghadapi krisis kewangan, Tun Dr. Mahathir berjaya mengawal kegawatan ekonomi yang lebih teruk dengan menambat ringgit kepada dolar Amerika dan membataskan perdagangan mata wang Ringgit Malaysia dalam pasaran kewangan antarabangsa. Dalam masa yang sama, beliau juga menyusun semula struktur sistem perbankan dan kewangan negara.

Tindakan tegas dan berani yang diambil demi kepentingan bangsa dan maruah negara, walaupun mendapat kritikan hebat pada mulanya oleh beberapa badan kewangan dunia seperti Bank Dunia dan *International Monetary Fund* (IMF), tetapi akhirnya terbukti amat berkesan. Jelaslah, Tun Dr. Mahathir ialah wira bangsa yang telah menyelamatkan negara Malaysia, apabila akhirnya Malaysia adalah satu-satunya negara yang berjaya melepaskan diri daripada belenggu kegawatan dan dalam masa yang sama, terus kekal bebas daripada cengkaman IMF.


Malah, kebijaksanaan dan ketokohan Tun Dr. Mahathir dalam pengurusan ekonomi sekali lagi terbukti baru-baru ini, iaitu apabila Amerika Syarikat berhadapan krisis perbankan dan kewangan oleh kerana hutang *subprime*, mereka telah mengambil kaedah yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun 1997, untuk memulihkan ekonomi Amerika.

Sepanjang tempoh 22 tahun sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bukan sahaja telah meningkatkan martabat rakyat Malaysia melalui ekonomi, akan tetapi telah meninggikan juga kedudukan Islam sebagai agama yang suci.

Dalam tempoh itu, pelbagai institusi Islam telah dibangunkan antaranya, Institut Kefahaman Islam Malaysia (atau IKIM). Di samping itu, sistem perbankan Islam di perkenalkan dengan penubuhan Bank Islam dan anak-anak syarikatnya termasuk Syarikat Takaful, Amanah Saham, dan Broker Saham. Pasaran Wang dan Modal Islam juga diperkenalkan selain mengukuhkan sistem perundangan Islam dengan penyusunan semula sistem kehakiman dan mahkamah syariah.

Tidak diabaikan ialah sistem pendidikan berteraskan pengajian Islam, iaitu dengan mengasaskan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan juga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sehingga ke hari ini, Tun Dr. Mahathir tidak jemu-jemu berusaha dan bergerak aktif untuk memajukan institusi-institusi Islam dan juga menjaga kebajikan ummah.

Tun Dr. Mahathir telah berjaya membawa Malaysia ke persada kecemerlangan dan kegemilangan dari segi ekonomi dan sosial khususnya kepada umat Islam. Di bawah kebijaksanaan kepimpinan beliau, Malaysia telah melalui pelbagai pembaharuan, baik fizikal, kerohanian, mahupun sosial. Malaysia telah menjadi negara yang disegani dan dihormati di pentas dunia. Kejayaan Malaysia sebagai negara membangun dan sebuah negara Islam yang unggul di rantau ini telah diiktiraf dunia.





## **TOKOH PENERIMA GELARAN PROFESOR EMERITUS**

*Profesor Emeritus Tan Sri Dato'  
Dr. Abdul Shukor Hj Husin*

### **LATAR BELAKANG**



Abdul Shukor dilahirkan di kampung Tebing Tinggi, Jerantut, Pahang. Bapanya Haji Husin seorang guru agama dan ibunya Hajah Mariam seorang suri rumah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Tebing Tinggi, kemudian menyambung pelajarannya di peringkat menengah di Sekolah Menengah Agama Sultan Abu Bakar, Pekan dan seterusnya ke Sekolah al-Junid Singapura. Atas dorongan ibu bapa yang ingin melihat beliau menjadi seorang yang berpendidikan tinggi agama, di samping minatnya sendiri, maka pada tahun 1964, Abdul Shukor meninggalkan kampung halaman menuju ke al-Azhar al-Sharif. Pada peringkat awal, pengajiannya dibiayai oleh al-Azhar dan seterusnya biasiswa Kerajaan Negeri Pahang. Pada tahun 1970, beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian di Fakulti Usuluddin. Pada tahun 1971, beliau berjaya mendapat Diploma Pendidikan dari Universiti Ain Shams, Kaherah. Selepas berjaya di Universiti Ain Shams, beliau kembali ke al-Azhar untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Akidah dan Falsafah Islam. Pada tahun 1973, beliau berjaya mendapat Ijazah Sarjana dari Fakulti Usuluddin.

Biar sibuk dengan pengajian di universiti al-Azhar dan Ain Shams, Abdul Shukor cukup aktif dalam kegiatan dan kepimpinan mahasiswa sehingga beliau dipilih sebagai Setiausaha Agung Persatuan Pelajar Melayu Mesir dan seterusnya Setiausaha Agung Gabungan Pelajar-Pelajar Asia Tenggara di Timur Tengah.

Abdul Shukor telah bertemu jodoh dengan Puan Sri Ramah Abdul Manan dari Singapura. Hasil perkongsian hidup, beliau dikurniakan empat orang puteri yang mendapat didikan sempurna dari beliau dan Puan Sri. Pendidikan kepada anak-anak adalah salah satu bidang yang sangat dititikberatkan oleh pasangan suami isteri ini. Hakikat ini terserlah menerusi kejayaan anak-anak dalam bidang masing-masing. Anak pertama, Dr. Syahirah telah mendapat Ijazah Dr. Falsafah dalam bidang Undang-Undang dari Universiti KEELE, United Kingdom. Anak kedua, Dr. Syaimak mendapat Ijazah Dr. Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Komputer dan Pengurusan Operasi dari Universiti Nottingham, United Kingdom. Anak ketiga, Syadiyah sedang menyelesaikan tesis PhD dalam bidang Pemasaran Antarabangsa di Universiti Cardiff, United Kingdom. Anak bongsu mereka Dr. Syadwa pula, telah berjaya menjadi doktor dalam bidang perubatan dan sedang berkhidmat di Hospital Ampang.

Pada tahun 1974, berbekalkan Ijazah Sarjana dan Diploma Pendidikan, serta pengalaman yang diterima semasa di Kaherah, Abdul Shukor diterima berkhidmat sebagai tenaga akademik di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1980, beliau dinaikkan ke jawatan Profesor Madya seterusnya dilantik sebagai Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah.

Atas kecintaannya kepada ilmu pengetahuan dan sikap tidak berpada dengan kelayakan sarjana, beliau melepaskan jawatan Ketua Jabatan yang dipegangnya untuk menerima tawaran cuti belajar di peringkat Ijazah Doktor Falsafah di al-Azhar. Pada tahun 1984, beliau muncul sebagai anak Melayu pertama berjaya mendapat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Akidah dan Falsafah Islam dari Universiti al-Azhar al-Sharif.

Setelah kembali ke tanah air, pada 15 Jun 1985, Abdul Shukor dilantik sebagai Dekan Fakulti Pengajian Islam sehingga 31 Januari 1987. Pada 1 Jun 1992, selepas beliau bercuti sabbatical, Abdul Shukor sekali lagi dilantik menjadi Dekan Fakulti Pengajian Islam sehingga 30 Mei 1998. Beliau mengetuai kepimpinan fakulti selama enam tahun berturut-turut. Pada tahun 1993, beliau dinaikkan ke jawatan Profesor penuh di Fakulti Pengajian Islam.

## NAIB CANSELOR PERTAMA USIM (1999-2009)

Pada 1 Disember 1999, beliau diamanahkan untuk menerajui sebuah universiti baru yang dikenali sekarang ini sebagai Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai Naib Canselor pertama. Peluang ini sangatlah ditunggu-tunggu oleh beliau kerana cita-citanya yang sangat mendalam untuk membangunkan sebuah pusat pengajian tinggi moden berteraskan Pengajian Islam, menggabungkan antara ilmu aqli dan naqli, kemahiran teori dan amali, serta mahasiswanya pula mampu berkomunikasi dalam Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, selain dari Bahasa Kebangsaan. Selama 10 tahun menerajui USIM, hasrat beliau untuk melahirkan sebuah pusat pengajian yang berpendidikan bersepadu telah terserlah dengan penubuhan lapan fakulti, dua institut dan tiga pusat termasuk Pusat Tamhidi. Lapan fakulti tersebut ialah Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Kesemua Fakulti ini menggunakan konsep bersepadu dalam program pengajian yang ditawarkan.

## MENABUR BAKTI

Selepas menamatkan khidmat sebagai Naib Canselor USIM, khidmat beliau terus-menerus diperlukan oleh USIM. Kini, Abdul Shukor mengetuai Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) di samping tugas beliau sebagai Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan di bawah Majlis Raja-Raja. Selain dua tugas yang besar ini, beliau juga terus menabur bakti dalam beberapa jawatankuasa penting di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### ***Keanggotaan Dalam Jawatankuasa Peringkat Negeri dan Kebangsaan***

- 1995-  
hingga kini: : Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)  
: Ahli Lembaga Saham Wakaf Negeri Pahang  
: Ahli Lembaga Pengurus Kolej Islam Pahang Sultan  
Ahmad Shah (KIPSAS)
- 1998-  
hingga kini : Ahli Jawatankuasa Perunding Syariah (Fatwa) Negeri  
Pahang
- 2004-  
hingga kini : Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji
- 2005-  
hingga kini : Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan  
Malaysia  
: Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu  
Negeri Pahang  
: Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam  
Malaysia (MKI), Jabatan Perdana Menteri Malaysia  
: Ahli Jawatankuasa Pendidikan Islam Negeri Pahang

### ***Keanggotaan Dalam Jawatankuasa Peringkat Antarabangsa***

- 1993 - 1995 : Ahli Jawatankuasa Pusat Pengajian Tinggi Islam  
Sedunia
- 1998 - 2001 : Timbalan Pengerusi Persatuan Intelek Islam  
ASEAN
- 2004 -  
hingga kini : Naib Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia (Rabitah)  
merangkap wakil Malaysia
- 2008 -  
hingga kini : Ahli Lembaga International Shariah Research for  
Islamic Finance (ISRA), Bank Negara  
: Pengerusi Penasihat Panel Syariah Tabung Haji  
: Ahli Lembaga Penasihat Pensijilan Halal JAKIM

### ***Khidmat Masyarakat***

- 1971 - 1973 : Setiausaha Agong Gabungan Pelajar Asia Tenggara Timur Tengah
- 1978-1981 : Ketua Editor Jurnal Islamiyat, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- 1985 - 1986 : Pengerusi Jawatankuasa Struktur Pengajian Islam Universiti Brunei Darussalam
- 1986 - 1992 : Pengerusi Jawatankuasa Istilah Islam, DBP, KL
- 1995 - 1997 : Ahli Panel Penilai Tamadun Islam dan Falsafah, DBP, KL
- 1996 - 1998 : Ahli Jawatankuasa Kecil Kelayakan Sastera dan Sains Kemasyarakatan
- 1996 - 1999 : Ahli Lembaga Penasihat Pendidikan Islam (LEPAI) , JPM
- 1986 - 2000 : Pengerusi Jawatankuasa Terjemahan Hadis Sahih Bukhari, JAKIM
- 1998 - 2006 : Ahli Lembaga Penasihat Shariah KFCH
- 1997 - 1999 : Pengerusi Panel Akidah JAKIM, JPM
- 2004 - 2007 : Pengerusi Jawatankuasa Agihan Zakat Majlis Uagama Islam Negeri Pahang

Dalam bidang akademik juga, beliau sering dilantik sebagai Profesor Pelawat, Penilai Luar Kenaikan Pangkat, Profesor dan Profesor Madya di beberapa universiti tempatan dan luar negara. Beliau turut dilantik sebagai Penilai Luar untuk tesis Sarjana dan PhD di beberapa Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Istilah Islam dan Panel Penilai Tamadun Islam dan Falsafah, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Walaupun sibuk dengan pelbagai jawatankuasa dan organisasi di peringkat antarabangsa dan kebangsaan, bidang tujuhan utamanya tidak pernah dilupakan, beliau sehingga kini berjaya menghasilkan lebih dari 10 buah buku dan beberapa artikel dalam jurnal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penulisan buku terakhir beliau ialah dalam bidang Akidah dan Falsafah Islam yang diterbitkan oleh USIM. Beliau juga banyak membentangkan kertas kerja dan menjadi pengulas terhadap banyak sesi pembentangan kertas kerja dalam ratusan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara kertas kerja terbaru beliau bertajuk *al-Ijtihad al-Jamai* dibentangkan dalam muzakarah ahli-ahli Fatwa peringkat Asean dan Pengurusan Fatwa di Malaysia anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM. Dalam bidang penyelidikan beliau turut mengetuai beberapa kumpulan penyelidikan.

## SEMINAR, PERSIDANGAN DAN PENYELIDIKAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Bermula pada 1985 hingga sekarang, beliau telah membentangkan kertas kerja/pengulas dan pengerusi persidangan dalam lebih 100 persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kali terakhir pada 2 November 2010 iaitu Seminar Syariah dan Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia bertajuk "Pengurusan Fatwa di Malaysia". Beliau juga mengetuai dan menghasilkan beberapa kumpulan penyelidikan di peringkat universiti dan di luar universiti.




## ANUGERAH/PINGAT

Atas sokongan isteri, dan keharmonian sekeluarga, Abdul Shukor tidak jemu-jemu menabur jasa dan budi untuk meningkatkan pendidikan Islam, memartabatkan agama dan berbudi pada bangsa dan negara. Sumbangan tidak ternilai beliau dalam bidang akademik dan bukan akademik telah mendapat pengiktirafan negara apabila beliau dianugerahkan pingat Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1993. Pada tahun 1995, beliau dianugerahkan pingat Johan Setia Mahkota (JSM) oleh Yang Di-Pertuan Agong. Pada Tahun 2006, beliau di kurniakan Darjah Setia Negeri Sembilan (DSNS) yang membawa gelaran Dato' dan pada bulan Jun 2010, sempena hari keputeraan DYMM Yang Di-Pertuan Agong, beliau dianugerahkan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (P.S.M) yang membawa gelaran Tan Sri.

Selain itu, beliau juga menerima beberapa penghargaan seperti anugerah darjah keilmuan Negeri Pahang pada tahun 1990. Pada tahun 2000, beliau dipilih sebagai Tokoh Berjasa Kolej Islam Pahang (KIPSAS) dan pada 9 Ogos 2010 beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengajian Islam oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada 25 September 2010 beliau dianugerahkan Profesor Emeritus oleh Universiti Sains Islam Malaysia.

Khidmat beliau kepada negara dan agama yang tidak mengenal erti penat dan lelah, disiplin serta komitmen yang tinggi terhadap kejayaan dan kecemerlangan amatlah disanjung dan menjadi bukti keperibadian beliau yang mulia.







**KULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH**

## CALON KEHORMAT KONVOKESYEN

*Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat),  
Pengajian Quran dan Sunnah.*

*Prof. Dr. Zaghoul Raghieb Muhammad al-Najjar*



### LATAR BELAKANG

Nama : Zaghoul Muhammad al-Najjar  
Tarikh Lahir : 17 Januari 1933  
Umur : 77 tahun  
Warganegara : Mesir  
Status : Berkahwin  
Laman web : [www.elnaggarzr.com](http://www.elnaggarzr.com)  
Pendidikan :

- Menerima Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dari Universiti Kaherah, Mesir (1955)
- Menerima Ijazah Kedoktoran Sains Bumi dari Universiti Wales, Britain (1963)
- Dilantik sebagai Profesor (1972)

## PENGALAMAN PERKHIDMATAN

- Berkhidmat di Syarikat Petroleum dan Pusat Penyelidikan Nasional, Kaherah
- Berkhidmat di lombong fosfat di Lembah Zail (Timur Mesir) dan Lembah al-Fahm (Daerah Saina')
- Berkhidmat dan mengajar di beberapa universiti seperti berikut:
  - Universiti Ain Shams (Kaherah, Mesir)
  - Universiti al-Malik Sa'ud (Riyadh, Arab Saudi)
  - Universiti Wales (United Kingdom)
  - Universiti Kuwait (Kuwait)
  - Universiti Doha (Qatar)
  - Universiti al-Malik Petroleum dan Galian (Riyadh, Arab Saudi)
  - Universiti California (Los Angeles) – sebagai Profesor Pelawat
- Dicalonkan sebagai Felo Akademi Sains Islam dan Ahli Lembaga Pengarah Akademik
- Lantikan sebagai anggota Badan Penghakiman bagi Anugerah Antarabangsa Jepun (Japan International Award) dalam bidang sains

- Lantikan sebagai anggota Majlis Penasihat Yayasan al-I'jaz al-Quran dan Sunnah Nabawiyyah di bawah Rabitah al-'Alam al-Islamiyy-Mekkah al-Mukarramah, dan anggota penasihat Majalah al-I'jaz, serta ahli lembaga pengarah majalah tersebut.
- Lantikan sebagai Ketua Jawatankuasa al-I'jaz al-Quran al-Karim dan Sunnah Nabawiyyah di bawah kelolaan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Kaherah.
- Menjelajahi pelosok dunia sebagai pembentang mengenai Islam dan isu-isunya, khususnya dalam bidang keajaiban sains di dalam al-Quran dan Sunnah Nabawiyyah, bermula dari utara Kanada hingga ke Australia dan selatan Afrika Selatan, dan dari barat Amerika hingga ke pertengahan Asia Timur.
- Menghadiri banyak seminar keilmuan Arab, Islam dan antarabangsa, serta persidangan Islam di pelbagai peringkat.
- Menyertai banyak program televisyen dan radio berunsurkan keislaman dan keilmuan
- Menyumbang dalam penubuhan Jabatan Geologi di Universiti Riyadh (1959-1961, 1964-1967), Universiti Kuwait (1967-1978), dan Universiti Petroleum dan Galian di Zahran (1979-1996). Memegang beberapa jawatan akademik sehingga mendapat jawatan profesor dan Ketua Jabatan Geologi di Universiti Kuwait pada tahun 1972, dan Universiti Qatar pada tahun 1978.

- Menyelia lebih daripada 45 tesis sarjana dan kedoktoran di dalam bidang geologi dari Negara Mesir, Kepulauan Arab dan Negara Teluk.
- Lantikan sebagai ahli di dalam banyak persatuan ilmiah sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.
- Lantikan sebagai ahli jawatankuasa sidang pengarang di dalam banyak majalah ilmiah, di antaranya: *Journal of Foraminifera Research* yang diterbitkan di New York, dan *Journal of African Earth Sciences* yang diterbitkan di Paris.
- Lantikan sebagai penasihat bagi majalah berikut:
  - Islamic Sciences yang diterbitkan di India.
  - Majalah al-Muslim al-Mu`asir yang diterbitkan di Washington.
  - Majalah al-Rayyan yang diterbitkan di Qatar.
  - Majalah al-Syari`ah wa al-Qanun yang diterbitkan di Universiti al-`Ain, Emiriyah Arab Bersatu (UAE).
- Berfungsi sebagai penasihat bagi Yayasan Roberston for Research, Syarikat al-Naft al-`Arab di Kuwait, Syarikat al-Zait al-`Arabiyyah di Khafji, Bank Dubai al-Islami di UAE dan Bank al-Taqwa di Switzerland.

- Ahli pengasas Badan Kebajikan Islam Antarabangsa, Kuwait dan beliau merupakan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan.
- Ahli pengasas Badan Antarabangsa al-I'jaz al-'Ilmi fi al-Quran al-Karim wa al-Sunnah al-Nabawiyah (Rabitah al-'Alam al-Islami) dan merupakan ahli lembaga pengarah badan tersebut.
- Lantikan sebagai Ahli Lembaga Akademi Islam (Sains).
- Lantikan sebagai Ahli Lembaga Majlis Penyelidikan Islam Antarabangsa, Kaherah.
- Lantikan sebagai Pengarah Pasca Siswazah Markfield, Britain.
- Lantikan sebagai Penasihat Bahagian Pengajian Tinggi Ma'ahad al-Arabi, Arab Saudi.
- Lantikan sebagai Ahli Lembaga Majlis Penasihat Islam Antarabangsa, Britain.
- Lantikan sebagai Pengerusi dan ahli Lembaga Majlis Universiti Ahqof, Yaman.
- Lantikan sebagai Penasihat Muzium Tamadun Islam, Switzerland.

## PENERIMAAN ANUGERAH DAN HADIAH AKADEMIK

- 2006 - Penerima Anugerah Antarabangsa al-Quran al-Karim, Dubai
- 2005 - Penerima hadiah utama dan penghargaan daripada Republik Sudan dan Anugerah Emas Sains dan Sastera
- 1972 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Terbaik Persidangan Petroleum Negara-negara Arab
- Pemenang Hadiah Penghargaan daripada Persatuan Fosil Mesir
  - Penerima anugerah-anugerah daripada pelbagai universiti dan persatuan akademik dari Mesir dan negara-negara Arab
  - Penerima sijil-sijil penghargaan daripada pelbagai universiti dan persatuan akademik dari Mesir dan negara-negara Arab.
- 1967 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Terbaik Persidangan Microfosil Geneva, Switzer land dan (1970):Rom, Itali
- 1967 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Roberston, Universiti Wales, United Kingdom
- 1963 - Pingat Universiti Wales, United Kingdom
- 1955 - Pemenang sulung Mustafa Barakah li Ulum al-Ardh (Sains Bumi), Universiti Kaherah, Mesir

## KERJAYA PROFESIONAL

Zaghloul Raghieb al-Najjar memulakan kerjaya profesional dalam bidang geologi, di Syarikat Conrada (Sahara) Oil Company, Kaherah pada Jun-Ogos 1955. Seterusnya beliau bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di National Research Center, Dokki, Kaherah pada September-November 1955. Selepas itu, beliau berkhidmat di beberapa syarikat, jabatan dan institusi seperti A.K.F.A.C. Phosphate Mines, Lembah Nil, Mesir sebagai ahli geologi (tahun 1955-1956), Jabatan Geologi Universiti Ain Shams, Mesir (tahun 1956-1958) sebagai Instruktur, Barramiya Gold Mines, Eastern Desert, Mesir (tahun 1958-1959) sebagai ahli geologi, sebelum menjawat jawatan sebagai ahli geologi kanan dalam projek arang batu di Sinai, Mesir pada Mac-November 1959. Selepas itu, beliau menjawat jawatan Instruktur di Jabatan Geologi, di King Saud University, Riyadh, Arab Saudi (tahun 1959-1961).

## AHLI AKADEMIK

Sejarah perkhidmatan dan sumbangan beliau dalam bidang akademik bermula apabila dilantik sebagai pembantu penyelidik dan kemudiannya sebagai fellow penyelidik di University College of Wales, United Kingdom (tahun 1961-1964), pada masa yang sama beliau melanjutkan pengajian di peringkat Kedoktoran dan menerima Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Geologi pada tahun 1963.

Selepas itu beliau menjawat jawatan pensyarah kanan di King Saud University, (tahun 1964-1967), seterusnya menjawat jawatan Profesor Madya dalam bidang geologi di Kuwait University, Kuwait (tahun 1967-1972). Kegigihan beliau dalam bidang akademik terserlah apabila dilantik sebagai profesor pada tahun 1972 oleh Kuwait University. Beliau meneruskan khidmat di universiti tersebut sehingga tahun 1978. Selepas tempoh tersebut, beliau bertugas sebagai profesor di Qatar University, Doha (tahun 1978-1979) dan di King Fahd University of Petroleum & Minerals, Dhahran, Saudi Arabia (tahun 1979-1996).

Ketokohan beliau terus mendapat pengiktirafan apabila dilantik sebagai Konsultan Pengajian Tinggi di Arab Institute for Development (tahun 1996-2000). Selepas itu beliau dilantik menjadi Pengarah Markfield Institute of Higher Education, Markfield, Leicester, UK (tahun 2000-2001) sebelum dilantik menjadi Rektor al-Ahqaf University, Yaman. Kini beliau menjawat jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa I'jaz al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah di bawah kelolaan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam, Mesir.

Sepanjang pengalaman beliau yang panjang dalam bidang akademik, beliau telah menyelia banyak tesis Sarjana dan PhD dalam bidang geologi di Mesir, negara-negara Arab dan negara-negara Teluk. Sumbangan Zaghoul Raghieb al-Najjar terhadap perkembangan agama dapat dilihat melalui kebolehan dan kepakaran beliau dalam menggabungkan dan menyerlahkan kehebatan ilmu sains menerusi Quran dan Sunnah. Kesarjanaan beliau dalam bidang ini dapat dilihat pada penulisan beliau yang menjangkau 85 buah buku karya asli dalam bidang Pengajian Islam, 15 buah buku dalam bidang sains dan lebih 150 artikel dalam jurnal berwasit. Kebanyakan karya penting beliau diterjemah dalam pelbagai bahasa seperti Inggeris, Perancis, Jerman, Kurdi, Indonesia dan lain-lain.

Antara karya masyhur beliau ialah :

- Ensiklopedia berjumlah lima jilid mengenai tafsir saintifik terhadap ayat-ayat penciptaan alam semesta dalam Quran.
- Ensiklopedia berjumlah 10 jilid mengenai mukjizat saintifik dalam Quran.
- Ensiklopedia mengenai mukjizat saintifik dalam Sunnah Nabawiyah.
- Tafsir Quran lengkap yang dikhususkan kepada generasi muda masa kini.

Di samping itu, beliau turut menyumbang ke arah perkembangan bidang tujuhan ini melalui program-program yang disiarkan menerusi televisyen dan Internet terutama melalui laman web peribadinya.

Kewibawaan beliau dalam bidang ini terus disanjung apabila beliau dilantik menjadi penasihat dan ahli lembaga kepada lebih 20 buah agensi dan pertubuhan, sama ada di peringkat negara Mesir mahupun antarabangsa. Di antaranya ialah:

- Pengerusi Jawatankuasa I'jaz al-Quran al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah di bawah kelolaan Majlis Tertinggi Hal Ehwal Islam Mesir.
- Anggota Majlis Penasihat Institut I'jaz al-Quran dan al-Sunnah al-Nabawiyyah di bawah Rabitah al-'Alam al-Islamiy Mekkah al-Mukarramah.
- Penasihat kepada Institut Robertson for Research (North Wales, UK).
- Ahli Lembaga Majlis Penasihat Islam Antarabangsa, Britain.
- Penasihat Muzium Tamadun Islam, Switzerland.

Jasa dan bakti beliau telah mendapat penghargaan di peringkat negara Mesir dan juga antarabangsa apabila dianugerahkan dengan pelbagai pingat dan kurniaan, di antaranya ialah:

- 2010 - Penerima Anugerah Antarabangsa Kajian Mukjizat Saintifik Quran Basha Rahil, Mekah Mukarramah.
- 2006 - Penerima Anugerah Antarabangsa al-Quran al-Karim, Dubai.
- 2005 - Penerima Anugerah Inovasi Sains Presiden Republik Sudan.
- 1972 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Terbaik Persidangan Petroleum Negara-negara Arab.
- 1970 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Terbaik Persidangan Microfossil Rom, Itali.
- 1967 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Terbaik Persidangan Microfossil Geneva, Switzerland.
- 1967 - Pemenang Hadiah Penyelidikan Robertson, Universiti Wales, United Kingdom.

## Penerbitan

- Les signes scientifipues dans le saint coran
- Verites scientifiques dans le noble coran
- The Geological Concept of Mountains in the Quran

- الارض في القرآن الكريم

- الارض في القرآن الكريم

- السماء في القرآن الكريم

- الحيوان في القرآن الكريم

- مدخل الى دراسة الاعجاز العلمي

- الانسان والكون

- خلق الانسان في القرآن الكريم


- الانسان من الميلاد الى البعث

- 1/5 موسوعة آيات الإعجاز العلمي في القرآن الكريم









Buku *Jasamu Dikenang* ini merupakan himpunan profil ketiga-tiga tokoh yang dianugerahkan sempena Majlis Konvokesyen USIM ke-8 2010. USIM mengambil pandang dan melihat untuk menganugerahkan serta memberi penghormatan kepada tiga tokoh : Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, gelaran Profesor Emeritus kepada Yang Berbahagia Tan Sri Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Husin dan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Pengajian Quran dan Sunnah kepada Profesor Dr. Zaghoul Raghieb Muhammad Al-Najjar. Latar belakang diri, akademik, sumbangan peringkat tempatan dan antarabangsa serta anugerah dan pingat yang diterima oleh tokoh-tokoh ini dimuatkan dalam buku ini.



ISBN 978-967-5295-61-4



9 789675 295614